

MAHATHIR - DADAH

KUALA LUMPUR, 15 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA SIKAP TEGAS MALAYSIA TERHADAP PENGEDAR NAJIS DADAH MULA DITERIMA OLEH MASYARAKAT ANTARABANGSA.

PERDANA MENTERI BERKATA KALAU DAHULU LANGKAH TEGAS ITU MENERIMA KRITIKAN TETAPI KINI DUNIA SEMAKIN BERSEPENDAPAT DENGAN MALAYSIA BAHAWA TINDAKAN DAN HUKUMAN YANG KERAS TERHADAP PENGEDAR NAJIS DADAH SEBAGAI WAJAR.

+DUNIA MULA SEDAR BAHAWA TINDAKAN TEGAS KITA ITU SEMATA-MATA UNTUK MEMASTIKAN SUPAYA MASYARAKAT DISELAMATKAN DARIPADA BAHAYA DADAH,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR KETIKA MENUTUP PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS PERINGKAT KEBANGSAAN ANJURAN PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA (PBSMM) CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI SINI.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA BAHAYA ANCAMAN NAJIS DADAH BUKAN SAHAJA MENJADI MASALAH KEPADA MALAYSIA MALAHAN KEPADA SELURUH DUNIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MELAHIRKAN PENGHARGAAN KEPADA PBSMM YANG MENURUTNYA TELAH BERSAMA-SAMA TAMPIL MENJAYAKAN PROGRAM MEMBANTERAS PENYALAHGUNAAN DADAH SEJAK KERAJAAN MELANCARKAN KEMPEN ANTI DADAH PADA TAHUN 1983.-- LAGI

1924MST 15 08 87

U B284 AAB

MAHATHIR - DADAH 2 KUALA LUMPUR

+PENGLIBATAN PERSATUAN INI DENGAN MENUBUHKAN PASUKAN PETUGAS KHUSUS UNTUK MEMBANTU KERAJAAN DAN PEMADAM ADALAH DIHARGAI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR SELAKU PRESIDEN PBSMM PERCAYA PERSATUAN TERSEBUT DAPAT MEMAINKAN PERANAN DALAM MENGUATKAN DISIPLIN BELIA NEGARA INI.

DI SAMPING ITU, BELIA YANG MELIBATKAN DIRI DALAM PERSATUAN BERKENAAN DAPAT MEMPERLENGKAPKAN DIRI DENGAN SEGALA KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU, TAMBAHNYA.

SERAMAI 168 PESERTA DARI 14 BUAH NEGERI MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS YANG DIADAKAN SELAMA TIGA HARI.

TURUT HADIR DALAM UPACARA PENUTUP IALAH PENERUSI KEBANGSAAN PBSM, TUNKU TAN SRI MOHAMED TUNKU BESAR BURHANUDDIN. -- BERNAMA
1929MST 15 08 87